




BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA











* Data sehingga 26 November 2025 jam 12.00 tengah malam

PPS: Pusat Pemindahan Sementara





PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Banjir 	Tumpat	13	1,942	4,925	Menurun
		Kota Bharu	19	885	2,375	Menurun
		Bachok	7	609	1,890	Menurun
		Pasir Puteh	1	45	149	Meningkat
		JUMLAH	40	3,481	9,339	Menurun
Perlis	Banjir 	Perlis	17	1,614	5,345	Meningkat
		JUMLAH	17	1,614	5,345	Meningkat
Perak	Banjir 	Manjung	14	496	1,659	Meningkat
		Perak Tengah	8	265	809	Meningkat
		Bagan Datuk	4	177	535	Meningkat
		Hilir Perak	5	129	357	Meningkat
		Muallim	3	49	170	Meningkat
		Larut, Matang & Selama	2	33	87	Meningkat
		Kuala Kangsar	1	38	64	Baharu
		Batang Padang	1	1	3	Tidak Berubah
JUMLAH	38	1,188	3,684	Meningkat		
Selangor	Banjir 	Kuala Selangor	7	440	1,715	Meningkat
		Klang	4	164	592	Meningkat
		Petaling	3	84	309	Menurun
		Sabak Bernam	3	79	242	Meningkat
		Hulu Langat	2	23	68	Menurun
		Sepang	1	6	22	Meningkat
		Hulu Selangor	1	3	16	Tidak Berubah
		JUMLAH	21	799	2,964	Meningkat
Kedah	Banjir 	Kubang Pasu	12	726	2,043	Meningkat
		JUMLAH	12	726	2,043	Meningkat
Pulau Pinang	Banjir 	Seberang Perai Tengah	1	11	50	Tidak Berubah
		JUMLAH	1	11	50	Tidak Berubah
Pahang	Banjir 	Raub	1	11	23	Tidak Berubah
		Lipis	1	8	19	Tidak Berubah
		JUMLAH	2	19	42	Tidak Berubah
Terengganu	Banjir 	Marang	1	9	41	Meningkat
		JUMLAH	1	9	41	Meningkat
JUMLAH KESELURUHAN			132	7,847	23,508	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data 25 November 2025 jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **26 November 2025, jam 12.00 tengah malam**, terdapat **25 daerah di lapan negeri** yang dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **23,508 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **18,156 mangsa** pada **25 November 2025**). Ia melibatkan **7,847 keluarga** yang ditempatkan di **132 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **101 PPS** pada **25 November 2025**.
- **Negeri Perlis (5,345 mangsa)** dan dua daerah paling teruk terjejas iaitu **Tumpat, Kelantan (4,925 mangsa)** dan **Kota Bharu, Kelantan (2,375 mangsa)**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- **Tiga (3) stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **25 November 2025** adalah **Kuala Terengganu, Terengganu (161.1 mm)**, **Besut, Terengganu (160.4 mm)** dan **Machang, Kelantan (130.0 mm)**.
- Satu sistem cuaca tekanan rendah berada di utara Selat Melaka pada kedudukan **4.7° Utara 99.3°Timur**, dijangka bergerak ke arah barat laut menuju Laut Andaman dan berpotensi untuk meningkat ke tahap ribut tropika. Keadaan ini boleh menyebabkan hujan lebat berterusan, angin kencang dan laut bergelora di negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia.
- Luruan monsun dijangka berterusan sehingga **28 November 2025**. Rantau Semenanjung Malaysia dijangka terus lembap sepanjang tempoh tersebut.
- Sehubungan itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan (Bahaya, Buruk dan Waspada) melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak berkuat kuasa sehingga **26 November 2025**. serta Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora sehingga **29 November 2025**.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada **25 November 2025, empat Amaran Banjir** dan **satu Ramalan Awal Banjir** telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang melibatkan negeri **Kelantan** dan **Terengganu**.

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) melaporkan bahawa tiada kawasan berisiko tanah runtuh di lokasi *hotspot* atau cerun kritikal dilaporkan di kebanyakan daerah yang terjejas banjir di Kelantan, Perak, Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Terengganu. Di Selangor, dua (2) kawasan berisiko dikenal pasti iaitu di Sungai Buloh, Petaling dan Taman Desa Pelangi, Hulu Langat.
- Bagi kejadian tanah runtuh, tiada laporan baharu di daerah terjejas banjir kecuali satu (1) kejadian dilaporkan di Flat Sri Lempah, Seputeh, Kuala Lumpur pada **24 November 2025**. Pasukan Tindak Balas JMG Selangor dan Wilayah Persekutuan telah menjalankan tinjauan di lokasi tersebut dan laporan telah dikongsi dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
- Sejak permulaan MTL 2025/2026 sehingga kini, jumlah kumulatif tanah runtuh di seluruh negara adalah lima (5) kejadian. Pelaporan JMG tidak merangkumi jalan negeri, persekutuan, dan lebuhraya.
- Senarai lokasi kejadian tanah runtuh adalah seperti berikut;
 1. Taman United, Jalan Sepadu 7, Seputeh, Kuala Lumpur
 2. Blok D, Flat Sri Lempah, Kuala Lumpur
 3. Kampung Orang Asli Bukit Lagong, Gombak, Selangor
 4. Lorong Setia 3, Kampung Setia, Gombak, Selangor
 5. Jalan Banglo, Batu Arang, Gombak, Selangor

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

- Jabatan Kerja Raya (JKR) telah merekodkan **98 lokasi kejadian bencana** yang menjejaskan infrastruktur jalan raya sehingga jam **6:00 petang, 25 November 2025**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **47 lokasi** melibatkan Jalan Persekutuan manakala **51 lokasi** menjejaskan Jalan Negeri. Kejadian ini berlaku di lapan (8) negeri dengan Negeri Selangor merekodkan insiden tertinggi (**24 lokasi**), diikuti oleh Kedah (**22 lokasi**) dan Perlis (**19 lokasi**).



- Jenis kejadian bencana yang paling dominan adalah banjir kilat (41 lokasi) dan banjir (35 lokasi). Selain itu, melibatkan cerun runtuh (11 lokasi), jalan runtuh (5 lokasi), jalan mendap (5 lokasi) dan satu (1) lokasi jambatan tosak atau runtuh. JKR sedang menjalankan pemantauan dan tindakan pemulihan segera untuk memastikan keselamatan dan kebolehcapaian jalan raya.

Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaporkan sebanyak 73 institusi pendidikan terjejas akibat banjir di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Perak (29 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Kelantan (14 sekolah rendah, 2 sekolah menengah, 1 Kolej Vokasional dan 1 Permata), Perlis (8 sekolah rendah, 2 sekolah menengah, 1 Permata), Kedah (4 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Selangor (2 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Sabah (2 sekolah rendah), Sarawak (1 sekolah rendah), Terengganu (1 sekolah rendah) dan Pulau Pinang (1 sekolah rendah).
- Selain itu, sebanyak 90 PPS premis sekolah telah dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Kelantan (33 sekolah rendah, 2 sekolah menengah, 1 IPG), diikuti Perak (23 sekolah rendah, 2 sekolah menengah), Selangor (11 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Perlis (7 sekolah rendah), Kedah (6 sekolah rendah, 1 sekolah menengah), Pulau Pinang (2 sekolah rendah) dan Terengganu (1 sekolah rendah).
- Secara keseluruhan, seramai 1,703 murid, 196 guru/Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) dan 380 pegawai terlibat. Pecahan mengikut negeri secara menurun adalah seperti berikut: Kelantan (1,256 orang), Selangor (402 orang), Perak (345 orang), Perlis (154 orang), Kedah (74 orang), Pulau Pinang (46 orang) dan Terengganu (2 orang).

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak 22 fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir yang melibatkan lapan (8) fasiliti di Kelantan, lapan (8) di Perak, dan enam (6) di Perlis. Daripada jumlah tersebut, 11 adalah Klinik Desa (KD), lima (5) Klinik Pergigian, empat (4) Klinik Kesihatan (KK), satu (1) Kuarters Klinik, dan satu (1) fasiliti fisioterapi.

- Sebanyak 10 fasiliti kesihatan tidak beroperasi sepenuhnya dan telah memindahkan perkhidmatan ke fasiliti kesihatan terdekat yang tidak terjejas manakala 10 fasiliti masih beroperasi seperti biasa. Pemindahan operasi melibatkan tiga (3) fasiliti di Kelantan, empat (4) di Perak, dan tiga (3) di Perlis. Manakala fasiliti yang masih beroperasi seperti biasa adalah lima (5) di Kelantan dan lima (5) di Perak. Dua (2) fasiliti tidak beroperasi sepenuhnya adalah di Perlis.

- Perkhidmatan dari fasiliti yang terjejas telah dialihkan ke fasiliti kesihatan berhampiran yang tidak terjejas bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kepada penduduk yang terlibat.

- Sebanyak 215 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan, terdiri daripada 76 Rapid Response Team (RRT) Perubatan dan 139 RRT Kesihatan. Pasukan ini ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) bagi menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan dan pencegahan penyakit kepada mangsa banjir. Tiada wabak penyakit dilaporkan setakat ini.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan sebanyak sembilan (9) infrastruktur komunikasi terjejas akibat banjir di seluruh negara. Pecahan lokasi terjejas adalah seperti berikut: satu (1) infrastruktur fiber di Wang Kelian, Padang Besar, Perlis akibat tanah runtuh; dua (2) stesen pemancar di Kedah; lima (5) stesen pemancar di Perak; dan satu (1) stesen pemancar di Terengganu.

- Bagi memastikan kelangsungan komunikasi di kawasan terjejas, sebanyak tujuh (7) PPS telah dipasang Inisiatif WiFi percuma oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi seperti berikut:

- CelcomDigi : PPS SK Tapang, Kota Bharu, Kelantan
- CelcomDigi : PPS SK Chicha Menyabong, Kota Bharu, Kelantan
- CelcomDigi : PPS SK Seribong, Kota Bharu, Kelantan
- CelcomDigi : PPS SK Seri Chempaka, Kota Bharu, Kelantan
- CelcomDigi : PPS SK Islah, Kota Bharu, Kelantan
- YTL : PPS SK Pauh Sembilan, Bachok, Kelantan
- Maxis : PPS Kubang Batang, Tumpat, Kelantan



- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- Tenaga Nasional Berhad (TNB) melaporkan beberapa kawasan di Perak dan Perlis mengalami pemutusan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Di Perak, kawasan terjejas di Manjung termasuk Taman Wira Idaman, Taman Desa Wira, Taman Lekir Bestari, Taman Sri Lekir, Kg Tersusun Batu 7 Lekir, dan Taman Lekir Aman, manakala di Teluk Intan melibatkan Kilang Perabot dan Hospital Medicare. Di Perlis, kawasan terjejas di Padang Besar ialah Masfloor dan Fermpro; di Arau ialah Telekom Arau Sanji dan Rumah Pam Arau; serta di Kangar ialah Kg Guru dan Taman Bukit Kayangan.
- Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik. TNB telah menyediakan genset di lokasi strategik dan memasang genset di kawasan selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting dan operasi respons banjir.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Pada 25 November 2025, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengeluarkan kenyataan media menyeru kepada semua pihak yang ingin memberikan sumbangan dan bantuan sepanjang musim MTL ini supaya berhubung dengan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Negeri atau Daerah yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat keperluan mangsa bencana dan lokasi yang sebenar sebelum mengatur pergerakan penyampaian sumbangan.
- Tindakan ini adalah bagi memastikan semua sumbangan yang diterima bersesuaian dengan keperluan di lapangan dan jumlah kuantiti yang mencukupi. Hal ini bagi mengelakkan berlaku lambakan serta pembaziran sumber yang akhirnya akan merugikan tenaga kerja serta berlaku kerosakan atau pertindihan barang bantuan.

- NADMA dan seluruh jentera Kerajaan amat berterima kasih dan menghargai keperihatinan semua pihak dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa bencana. Walau bagaimanapun, semua bentuk sumbangan yang diterima perlu diselaraskan terlebih dahulu di peringkat sekretariat sebelum diedarkan ke kawasan-kawasan terjejas banjir.

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS. Di Kelantan, bantuan disediakan melalui gotong-royong bermasak manakala di negeri lain, makanan diberikan dalam bentuk berbungkus. Selain itu, mangsa juga menerima keperluan asas seperti baju, toto, tikar, dan kit kebersihan, serta keperluan tambahan termasuk susu bayi, lampin pakai buang, tuala wanita dan lain-lain. Stok makanan disimpan di pangkalan hadapan PPS terpilih seperti sekolah serta semua stor daerah yang terlibat.

- Bagi menambahbaik keperluan di PPS, JKM telah menambah stok di stor daerah dan mini kontena di kawasan terjejas. Aktiviti sokongan psikologi juga dijalankan bagi mangsa mengikut had umur untuk membantu mereka mengatasi tekanan akibat banjir. Kesemua langkah ini dilaksanakan untuk memastikan kesejahteraan dan kebajikan mangsa sentiasa terjaga sepanjang berada di PPS.

- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.

- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Bermula Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak 31 pelaporan pergerakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan. Aktiviti ini melibatkan pengagihan bantuan seperti makanan, minuman, dan kit kebersihan kepada mangsa banjir di negeri-negeri terjejas. Sehingga kini, seramai 201 sukarelawan telah digerakkan untuk membantu pelaksanaan pengagihan bantuan tersebut.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	423	4x4/SUV/VAN: 6, AMBULANS/EMRS: 3, BOT: 19, LORI/FRT/LFRT: 10
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	80	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 3
		PASUKAN Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART)	10	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	432	4x4/SUV/VAN: 13, BOT: 19
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	252	4x4/SUV/VAN: 24, AMBULANS/EMRS: 8, BOT: 45, LORI/FRT/LFRT: 34
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	142	-
2.	PERLIS	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	83	4x4/SUV/VAN: 8, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 6
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	12	4x4/SUV/VAN: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	83	4x4/SUV/VAN: 18, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 6, MOTOKAR: 9
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	46	4x4/SUV/VAN: 5, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 4
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	58	-
3.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	110	4x4/SUV/VAN: 5, BOT: 10, LORI/FRT/LFRT: 5
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	22	4x4/SUV/VAN: 6
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	95	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	60	4x4/SUV/VAN: 7, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	116	-
4.	SELANGOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	48	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	30	4x4/SUV/VAN: 6
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	30	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 1, MOTOKAR: 3
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	57	4x4/SUV/VAN: 2, BOT: 1, LORI/FRT/LFRT: 11
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	106	-



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #04

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

26 NOVEMBER 2025

7

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
5.	KEDAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	92	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 7, LORI/FRT/LFRT: 5
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	10	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	95	4x4/SUV/VAN: 10, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 3, MOTOKAR: 5
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	41	4x4/SUV/VAN: 4, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	32	-
6.	PULAU PINANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	38	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 6
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	3	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	13	4x4/SUV/VAN: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	20	LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
7.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	13	4x4/SUV/VAN: 3
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	12	4x4/SUV/VAN: 2
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	13	4x4/SUV/VAN: 2, MOTOKAR: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
8.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	27	4x4/SUV/VAN: 3, LORI/FRT/LFRT: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	4	-
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	42	4x4/SUV/VAN: 5, AMBULANS/EMRS: 1, LORI/FRT/LFRT: 4
JUMLAH KESELURUHAN			2,758	<ul style="list-style-type: none">• 4X4/SUV/VAN: 162• AMBULANS/EMRS: 14• BOT: 131• LORI/ FRT/LFRT: 113• MOTOKAR: 19

* Data sehingga 26 November 2025 jam 12.00 tengah malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.